

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI**

**KAWASAN : DUNGUN**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**NO. SOALAN : 31**

YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan perkembangan berkaitan status perjanjian TPPA.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

**STATUS RUNDINGAN**

1. Perjanjian TPP (TPPA), telah selesai dirunding oleh Menteri-Menteri TPP pada 5 Oktober 2015, setelah berlangsung rundingan selama 5 tahun. Walau bagaimana pun TPPA masih belum di tandatangani,

memandangkan masih terdapat beberapa isu teknikal yang perlu diselesai secara dua hala di antara negara yang terlibat. Disamping itu, sebelum Perjanjian TPP dapat ditandatangani, ianya perlu melalui proses berikut:

- i. proses *legal scrubbing* yang kini sedang berjalan dan dijangka dapat diselesai dalam masa terdekat;
  - ii. pengumuman teks Perjanjian TPP, berserta semua jadual akses pasaran, *Annex* dan *side letters* berkaitan, secara serentak kepada awam oleh semua ahli TPP, yang dijangka dapat dilaksanakan pada bulan ini; dan
  - iii. 90 hari selepas Presiden Amerika Syarikat memaklumkan Kongress niat untuk menandatangani Perjanjian TPP, semua ahli TPP akan memutuskan tarikh Perjanjian TPP dapat ditanda tangani. Paling awal Perjanjian TPP dapat ditanda tangani adalah pada bulan Februari 2016, memandangkan Presiden Amerika Syarikat masih belum memaklumkan perkara ini kepada Kongress.
2. Dari tarikh Perjanjian TPP di tandatangani, semua ahli TPP mempunyai tempoh 24 bulan untuk melengkapkan proses domestiknya bagi membolehkan Perjanjian TPP diratifikasi. Perjanjian TPP akan berkuatkuasa:
- a. apabila 12 ahli TPP telah menyelesaikan proses ratifikasi dalam tempoh 24 bulan; atau

b. sekiranya syarat (a) tidak dapat dipatuhi, ratifikasi adalah perlu oleh sekurang-kurangnya 6 negara yang menyumbang 85 peratus keluaran dalam negara kasar secara bergabung.

3. Seperti mana yang dijanjikan oleh Kerajaan, teks rundingan akan didedahkan umum secara serentak oleh semua negara TPP dalam masa terdekat. Kajian kos manfaat akan Kerajaan bantangkan nanti bersekali dengan teks TPP di Parlimen di satu sesi yang akan ditetapkan nanti.

4. Secara keseluruhan, Kerajaan berpuas hati dengan hasil rundingan TPP. Ini kerana kepentingan Malaysia telah diambil kira melalui fleksibiliti yang diberi kepada Malaysia. Dalam pada itu, kita juga mengakui bahawa dalam beberapa hal kita juga telah membuat kompromi. Untuk beberapa perkara kita telah berjaya mempertahankan dasar negara. Sebagai contoh,

a. Dasar Bumiputera dipertahankan dalam bab-bab seperti Perolehan Kerajaan dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pelbagai mekanisme seperti tempoh transisi, ambang nilai perolehan yang tinggi serta pengecualian beberapa entiti;

b. Dalam isu Hak Harta Intelek pula, obligasi yang dimuktamadkan juga tidak mengubah ciri-ciri utama dasar paten negara yang sedia ada.

Tuan Yang Dipertua,

5. Negara-negara TPP terdiri daripada 12 buah negara dengan pasaran 800 juta penduduk dan KDNK USD\$27.5 trilion. Malaysia akan menikmati akses pasaran berkeutamaan khususnya ke 4 pasaran FTA yang baharu, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru kerana kebanyakan duti import akan dimansuhkan sebaik sahaja TPP berkuat kuasa.

6. Sebagai contoh, dengan TPP, duti import bagi hampir 73% daripada ekport barangan tekstil ke Amerika Syarikat akan dimansuhkan serta-merta dengan kuat kuasanya TPP. Tanpa TPP, hanya 11% daripada ekport tekstil ke Amerika Syarikat yang menikmati duti import sifar. (Contoh pengeksport tekstil utama: RAMATEX dan PEN APPAREL)

7. Selain itu, TPP juga akan memansuhkan duti import bagi produk-produk eksport utama Malaysia seperti E&E, barangan getah, minyak sawit, alat ganti automotif, serta produk kayu-kayan ke pasaran TPP khususnya ke Amerika Syarikat, Kanada, dan Mexico dan Peru.

8. Dari segi pelaburan pula, Malaysia dijangka kekal sebagai destinasi pelaburan dan hub pembuatan yang menarik di rantau ini.

Tuan Yang Dipertua,

9. Jika Malaysia bersetuju untuk menyertai TPP, produk Malaysia akan dapat berdaya saing di pasaran TPP dalam menghadapi persaingan

produk dari negara serantau seperti Viet Nam, dan Singapura yang juga merupakan ahli TPP.

10. Dalam menimbang obligasi penyertaan Malaysia dalam TPP, Kerajaan sedar akan cabaran yang perlu ditangani di samping manfaat yang sedang menunggu kita. Sehubungan itu, dalam setiap dasar atau keputusan yang kita ada baik dan buruknya. Begitu juga dengan liberalisasi pasaran. Penilaian terhadap impak TPP sedang dilaksanakan oleh pasukan kajian.

Tuan Yang dipertua,

11. Saya ingin menegaskan di sini, bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang amat bergantung kepada perdagangan sejak beberapa kurun lagi. Malaysia mendapat faedah yang besar daripada perdagangan antarabangsa, yang telah menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara, serta menjana peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Sejak 1997, Malaysia telah mengalami lebih dagangan secara berturut-turut dan pada 2014, lebih dagangan negara adalah RM83.11 billion. Bagi memastikan negara terus berdaya saing di arena global, Malaysia akan terus melihat peluang-peluang untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan melalui FTA.